

Ezam tidak beri keterangan kepada polis

BH - 4 NOV 2000

KOTA STAR, Jumaat - Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohd Noor, hari ini hadir di Ibu Pejabat Polis (IPD) Kota Star, di sini tetapi tidak memberikan kenyataan kepada polis berhubung laporan sebuah akhbar mengenai pengakuannya memburuk-burukkan Perdana Menteri di luar negara.

Ezam bertindak untuk tidak memberikan keterangan kepada Pegawai Penyiasat Kanan IPD, Asisten Superintendan Che Man Idrus mengikut Seksyen 112 Kanun Acara Jenayah (KAJ).

Beliau yang tiba pada jam 3.15 petang memasuki IPD dan keluar kira-kira setengah jam kemudian, lalu mengadakan persidangan akhbar di luar perkarangan IPD.

Sambil menegaskan bahawa beliau sememangnya mengkritik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berada di luar negara, Ezam berkata, beliau hanya bersedia memberikan keterangan berkenaan jika didakwa di mahkamah.

Sehubungan itu, Ezam mencabar Perdana Menteri mendakwanya dan jika dakwaan itu tidak dilakukan, Ezam akan mengambil tindakan undang-undang mendakwa Dr Mahathir kerana mengeluarkan kenyataan yang disifatkannya menghasut rakyat supaya membenci beliau.

"Saya diminta memberikan keterangan mengikut Seksyen 112. Saya menggunakan seksyen yang sama yang memberi hak kepada saya untuk tidak menjawab sebarang perkara," katanya.